

D639

U B707 AAB
MAHATHIR - UTUSAN

KUALA LUMPUR, 2 JUN (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGAJAK RAKYAT BEKERJA DENGAN DEDIKASI BAGI MENGEMBALIKAN IMEJ MALAYSIA SEBAGAI SEBUAH NEGARA KEDUA MAJU DI ASIA KIRA-KIRA 30 TAHUN LEPAS.

PERDANA MENTERI BERKATA SEMASA MENCAPAI KEMERDEKAAN, MALAYSIA MERUPAKAN NEGARA KEDUA SELEPAS JEPUN DARIPADA SEGI KEMEWAHAN DAN PENDAPATAN WALAUPUN PENDAPATAN PER KAPITA NEGARA KETIKA ITU SEBANYAK AS\$200 (KIRA-KIRA \$500) SETAHUN.

+TETAPI KINI NEGARA SEPerti KOREA SELATAN, TAIWAN, HONG KONG, SINGAPURA DAN MUNGKIN JUGA THAILAND, BUKAN SAHAJA TELAH DAPAT MENYAINGI MALAYSIA MALAH LEBIH KE HADAPAN MENDAHULUI NEGARA,+ KATANYA SEMASA MELAWAT UTUSAN MELAYU (MALAYSIA) BERHAD DI SINI SEMPERA ULANG TAHUN KE-50 SYARIKAT AKHBAR ITU.

SAMBIL MENGGESA RAKYAT SUPAYA MENELITI APAKAH YANG MENYEBABKAN NEGARA KINI KETINGGALAN BERBANDING NEGARA-NEGARA BERKENAAN, BELIAU BERKATA NEGARA-NEGARA TERSEBUT MENJADI LEBIH MAJU KERANA DEDIKASI DI KALANGAN RAKYAT MEREKA TERHADAP APA JUA KERJA YANG MEREKA LAKUKAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SIKAP DEDIKASI ITU PERLU DICONTOKI KERANA IA MERUPAKAN SALAH SATU PENGAJARAN YANG DIUTAMAKAN DALAM HASRAT KERAJAAN MELAKSANAKAN DASAR PANDANG KE TIMUR. -- LAGI 1405MST 02 06 89

U B708 BAH
MAHATHIR - UTUSAN 2 KUALA LUMPUR

MENURUT BELIAU, SIKAP DEDIKASI SEUMPAMA ITU SUDAH TIDAK LAGI DIAMALKAN DI KALANGAN MASYARAKAT BARAT SEHINGGA MEREKA TIDAK LAGI MAMPU BERSAING DARIPADA SEGI PERDAGANGAN DENGAN NEGARA-NEGARA YANG MEMPUNYAI RAKYAT YANG BERDEDIKASI.

MALAH, KATANYA, NEGARA-NEGARA BARAT ASYIK MENCARI JALAN UNTUK MENGHALANG PERDAGANGAN NEGARA-NEGARA LAIN SEHINGGAKAN MALAYSIA JUGA DIKECAM KONONNYA KERANA TIDAK MEMBELI EPAL BERJUMLAH AS\$100 JUTA (KIRA-KIRA \$250 JUTA) DARIPADA MEREKA.

PERDANA MENTERI BERKATA NEGARA-NEGARA YANG KINI MENJADI MAJU ADALAH DISEBABKAN RAKYAT MEREKA TAAT SETIA, BEKERJA KERAS DAN DEDIKASI SEHINGGAKAN APA JUA TINDAKAN YANG DIAMBIL OLEH NEGARA-NEGARA BARAT TIDAK DAPAT MENYEKAT PERTUMBUHAN NEGARA-NEGARA ITU.

BELIAU MENASIHATI RAKYAT NEGARA INI SUPAYA BEKERJA BUKANNYA SEMATA-MATA UNTUK Mencari SUMBER PENDAPATAN MALAH DEMI KEMAJUAN SYARIKAT, BANGSA DAN NEGARA.

KATANYA, SEKIRANYA RAKYAT MENGAMALKAN SIKAP SEDEMikian, MAKA MEREKA PASTI TIDAK AKAN BERASA BOSAN DATANG BEKERJA MALAH SERONOK DAN BANGGA YANG MEMBOLEHKAN SYARIKAT BEROLEH KEJAYAAN YANG SETERUSNYA MENGUNTINGKAN DIRI SENDIRI, SYARIKAT DAN NEGARA. -- LAGI 1410MST 02 06 89

U B711 AAB
MAHATHIR - UTUSAN 3 KUALA LUMPUR

+SIFAT SAYANG, TAAT DAN DEDIKASI KEPADA SYARIKAT HANYA BOLEH DIDAPATI DI NEGARA-NEGARA YANG KINI MENCAPAI KEMAJUAN KERANA JIKA PEKERJA TIDAK TAAT KEPADA SYARIKAT ATAU MAJIKAN MEREKA, SUDAH TENTU NEGARA BERKENAAN TIDAK AKAN MENCAPAI KEMAJUAN,+ KATANYA SAMBIL MENJELASKAN SIFAT ITULAH YANG MEMBOLEHKAN NEGARA JEPUN MENCAPAI KEJAYAAN.

SEKIRANYA RAKYAT MEMILIKI SIFAT SEUMPAMA ITU DAN NEGARA BEROLEH KEJAYAAN, RAKYAT SUDAH PASTI DAPAT MENIKMATI KEHIDUPAN YANG LEBIH BAHAGIA, TAMBAH BELIAU.

MENGENAI KEMAMPUAN UTUSAN MELAYU MENCAPAI USIA 50 TAHUN, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SYARIKAT ITU PASTI TERUS KEKAL DAN BERKEMBANG MAJU SEKIRANYA KAKITANGAN LEBIH MENGUTAMAKAN KEJAYAAN SYARIKAT DARIPADA KEPENTINGAN DIRI.

KATANYA, KAKITANGAN TIDAK AKAN BOSAN BEKERJA SEKIRANYA MEREKA DAPAT SEDIKIT SEBANYAK MERASAKAN BAHAWA MEREKA TURUT MEMILIKI SYARIKAT ITU DAN BERBANGGA DENGANNYA.

BELIAU MEMUJI PIHAK PENGURUSAN DAN KAKITANGAN UTUSAN KERANA MAMPU BERTAHAN SEBEGITU LAMA BERBANDING AKHBAR DAN MAJALAH MELAYU SEBELUM PERANG DUNIA SEPERTI +MAJLIS+ DAN +WARTA NEGARA+ YANG KINI TELAH TIADA. -- LAGI
1416MST 02 06 89

0652

U B714 AAB
MAHATHIR - UTUSAN 4 KUALA LUMPUR

SAMBIL BERHARAP AGAR UTUSAN MELAYU AKAN TERUS KEKAL, DATUK SERI DR MAHATHIR MENINGATKAN KAKITANGAN SYARIKAT ITU BAHAWA KEJAYAAN SESEBUAH SYARIKAT MEMBERI KESAN YANG BESAR KEPADA PEKERJA-PEKERJANYA.

BELIAU SETERUSNYA BERHARAP AGAR LAWATANNYA KE SYARIKAT AKHBAR ITU TIDAK DISALAHERTIKAN OLEH MANA-MANA PIHAK KONONNYA AKHBAR ITU SEBAGAI AKHBAR KERAJAAN.

MENGENAI KANDUNGAN AKHBAR TERSEBUT, PERDANA MENTERI BERKATA MESKIPUN KADANGKALA BELIAU TURUT TERSINGGUNG DENGAN APA YANG DISIARKAN OLEH AKHBAR ITU TETAPI IA MERUPAKAN HAK AKHBAR UNTUK MENGKRITIK.

SEBELUM ITU, KETIBAAN DATUK SERI DR MAHATHIR SERTA ISTERINYA, DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH MOHD ALI, DISAMBUT OLEH PENERUSI EKSEKUTIF UTUSAN, DATUK HAJI KHALID ABDULLAH, KETUA PENGARANG, ENCIK ZAINUDDIN MAIDIN SERTA ANGGOTA-ANGGOTA LEMBAGA PENGARAH.

TURUT HADIR IALAH MENTERI PENERANGAN, DATUK MOHAMED RAHMAT. -- LAGI
1435MST 02 06 89

U B715 AAB
MAHATHIR - UTUSAN 5 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR SERTA ISTERI DIBERI TAKLIMAT OLEH DATUK HAJI KHALID SERTA DIBAWA MELAWAT SEKITAR IBU PEJABAT ITU, TERMASUK BILIK BERITA.

BELIAU JUGA MELANCARKAN SEBUAH MESIN CETAK TAMBAHAN DI KILANG CETAK DAN MENYAKSIKAN OPERASI PENCETAKAN NASKHAH TERHAD UTUSAN MALAYSIA SEMPENA LAWATAN ITU.

DATUK SERI DR MAHATHIR MERUPAKAN PERDANA MENTERI MALAYSIA YANG KEEMPAT MELAWAT IBU PEJABAT UTUSAN ITU. -- BERNAMA
1436MST 02 06 89